

# **PROGRAM KHIDMAT BANTU DI RUMAH (*HOME HELP SERVICES*) SUKERELAWAN KEBAJIKAN**

## **1. PENGENALAN**

Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) adalah untuk Warga Emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang **tinggal bersendirian atau dengan keluarga yang memerlukan bantuan dan sokongan**. Program ini dilaksanakan oleh **Sukarelawan Kebajikan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**.

## 2. KONSEP

- 2.1 Khidmat Bantu Di Rumah merupakan satu program yang memberi khidmat sokongan kepada Warga Emas dan OKU terutama bagi mereka **yang tinggal bersendirian semasa ketiadaan ahli keluarga di rumah.**
- 2.2 Program ini merupakan perkhidmatan yang bercorak **pendampingan sosial (*social outreach*)** kepada Warga Emas dan OKU yang mana **pekerja kes pergi ke rumah Warga Emas dan OKU tanpa perlu menunggu mereka mendekati pekerja kes untuk memohon pertolongan.**
- 2.3 Pekerja kes yang melaksanakan program ini adalah di kalangan **Sukarelawan Kebajikan yang dilatih** dan melaksanakan tugas mereka berdasarkan konsep dan prinsip kesukarelaan.
- 2.4 Khidmat Bantu Di Rumah ini juga merupakan program yang berkonsepkan **kebajikan sebagai tanggungjawab bersama** yang mana penglibatan semua pihak diperlukan untuk menjayakannya.

### 3. OBJEKTIF PROGRAM

- 3.1 Memberi bantuan dan sokongan kepada Warga Emas dan Orang Kurang Upaya menjalani kehidupan seharian mereka dengan **lebih selesa, dihormati dan tidak merasai diri mereka disisihkan.**
- 3.2 Memberi bantuan dan sokongan kepada keluarga yang menjaga Warga Emas dan Orang Kurang Upaya yang keseorangan supaya **terus mengambil tanggungjawab menjaga dan melindungi ahli keluarga.**
- 3.3 **Menggerakkan peranan masyarakat** dalam usaha membantu Warga Emas dan Orang Kurang Upaya yang keseorangan dengan konsep masyarakat penyayang.
- 3.4 Menggalakkan Warga Emas dan OKU **terus tinggal di kediaman masing-masing** dan hidup dalam suasana kekeluargaan dan masyarakat.
- 3.5 **Memperluaskan peranan jentera Sukarelawan Kebajikan** untuk membantu Warga Emas dan OKU yang tinggal keseorangan dan memerlukan khidmat sokongan.

#### 4. KUMPULAN SASAR

- **Warga Emas dan OKU** yang tinggal bersendirian atau dengan keluarga yang memerlukan bantuan dan sokongan.

#### 5. NISBAH SUKARELAWAN DAN KLIEN

<b>BIL</b>	<b>NISBAH SUKARELAWAN DAN KLIEN</b>	<b>JUMLAH JAM PERKHIDMATAN</b>	<b>JUMLAH BAYARAN (SUMBANGAN PENGHARGAAN)</b>
1.	1 Sukarelawan memberi perkhidmatan kepada 2 Klien Jkm <b>(1:2)</b>	8 jam perkhidmatan dalam tempoh sebulan bagi 2 orang klien dengan minimum 1 jam perkhidmatan pada setiap minggu	<b>RM 100.00</b>
2.	1 Sukarelawan memberi perkhidmatan kepada 3 Klien Jkm <b>(1:3)</b>	12 jam perkhidmatan dalam tempoh sebulan bagi 3 orang klien dengan minimum 1 jam perkhidmatan pada setiap minggu	<b>RM 150.00</b>
3.	1 Sukarelawan memberi perkhidmatan kepada 4 Klien Jkm <b>(1:4)</b>	16 jam perkhidmatan dalam tempoh sebulan bagi 4 orang klien dengan minimum 1 jam perkhidmatan pada setiap minggu	<b>RM 200.00</b>

## 6. **AKTIVITI**

Khidmat bantuan yang boleh diberikan oleh Sukarelawan Kebajikan adalah seperti berikut (mengikut keperluan) :

- a. Menyediakan makanan dan minuman;
- b. Pembersihan diri (memandikan, memotong kuku)
- c. Menjadi rakan berbual;
- d. Menjalankan aktiviti riadah;
- e. Mengemas atau membersihkan tempat tinggal ;
- f. Membasuh, menyidai dan melipat pakaian;
- g. Mengeluarkan wang dari Bank;
- h. Membuat pembayaran bil;
- i. Membeli keperluan harian;
- j. Memberikan perkhidmatan fisioterapi
- k. Memberi khidmat kaunseling
- l. Memberi latihan praktikal tentang teknik-teknik penjagaan kepada penjaga;
- m. Memberi galakan dan latihan praktikal ke arah gaya hidup sihat
- n. Membawa ke hospital /klinik untuk tujuan rawatan dan mengambil ubat;
- o. Mengajar Warga Emas/ OKU/penjaga mengambil ubat
- p. Menemani Warga Emas/OKU ke tempat beribadat; dan
- q. Bantuan-bantuan lain yang dirasakan perlu.

## **7. Pemilihan Sukarelawan Kebajikan**

- Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang melaksanakan program hendaklah mengenal pasti dan melantik sebilangan Sukarelawan Kebajikan yang bersedia untuk melaksanakan program. Kriteria kelayakan adalah seperti berikut:
  - (i) Berusia 18 tahun ke atas;
  - (ii) Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu;
  - (iii) Kesediaan dan minat bekerja dengan Warga Emas dan OKU;
  - (iv) Sihat fizikal dan mental; dan
  - (v) Mempunyai latar belakang yang bebas daripada sabitan kes jenayah.

## 8. Peranan dan Tanggungjawab Sukarelawan Kebajikan

- (i) Membantu Warga Emas dan OKU yang telah dikenal pasti melalui aktiviti seperti di para 6.
- (ii) Melawat Warga Emas dan OKU yang telah dikenal pasti sekurang-kurangnya **sekali lawatan dalam seminggu** dan selama sekurang-kurangnya ***lapan jam*** pada setiap bulan bagi seorang Warga Emas atau OKU;
- (iii) Menyediakan dan mengemukakan laporan berkaitan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah;
- (iv) Menghadiri latihan yang ditetapkan;
- (v) Menghadiri mesyuarat dan persidangan kes apabila diperlukan; dan
- (vi) Berkongsi pengalaman di kalangan Sukarelawan Kebajikan

## Gambar-Gambar Program Home Help



Sukarelawan Kebajikan berbual-bual bersama klien



Sukarelawan Kebajikan sedang membersihkan rumah klien





Ahli Sukarelawan menghantar klien ke klinik untuk rawatan



Sukarelawan Kebajikan mengajar klien warga emas mengambil ubat



Sukarelawan sedang mengemas rumah klien



Ahli Sukarelawan Mengemas bilik tidur klien

